




MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA



Laporan Peperiksaan **STPM 2018**

Sejarah (940)



*Laporan Peperiksaan **STPM 2018***

Sejarah (940)



SASBADI SDN. BHD. (139288-X)
(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad (1022660-T))
PETALING JAYA



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

Diterbitkan oleh

Sasbadi Sdn. Bhd. (139288-X),
(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad (1022660-T))
Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603-6145 1188
Faks: +603-6145 1199
Laman web: www.sasbadisb.com
e-mel: enquiry@sasbadi.com

Majlis Peperiksaan Malaysia,
Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan memetik atau mencetak kembali
mana-mana bahagian isi buku ini dalam bentuk apa jua dan dengan cara apa
pun, baik secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau yang lain-lain
sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

© Majlis Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia

ISBN 978-983-77-1300-0

KANDUNGAN

Sejarah (940/1)	1 – 2
Sejarah (940/2)	3 – 4
Sejarah (940/3)	5 – 6

SEJARAH (940/1)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1 ini, sebanyak 22 973 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 65.10% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	4.59	3.23	5.89	6.59	11.58	17.21	16.01	6.02	2.96	5.65	20.29

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon bagi kertas ini adalah sederhana. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan jawapan yang ketara. Antara kelemahan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Calon tidak dapat menguasai fakta yang dikehendaki oleh soalan dan memberikan jawapan ringkas dan umum.
- (b) Calon tidak mahir menjawab soalan yang menggunakan kata kunci “sejauh manakah”, iaitu menghendaki calon menganalisis isi utama dan diikuti menjelaskan isi sampingan yang lain.
- (c) Calon memberikan jawapan berdasarkan pendapat umum dan tidak berdasarkan fakta sejarah yang sebenar.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon membincangkan sejauh mana kemunculan ekonomi merkantilisme menjadi asas perkembangan Revolusi Perindustrian di England pada abad ke-18 dan abad ke-19. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon tidak berupaya mengaitkan ekonomi merkantilisme dengan Revolusi Perindustrian. Calon hanya membincangkan faktor-faktor lain seperti pertambahan populasi penduduk, terdapatnya sumber bahan mentah, kemajuan perhubungan dan pengangkutan, kemajuan sains dan teknologi, dan lain-lain. Calon sepatutnya membincangkan isi dengan lebih mendalam mengenai merkantilisme seperti perkembangan dan sistem merkantilisme serta mengaitkan faktor tersebut sebagai asas kepada perkembangan Revolusi Perindustrian di England.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan peranan pembesar dalam era pemerintahan *Peter The Great* di Rusia dari aspek pemerintahan, kehakiman, dan ketenteraan. Terdapat calon yang dapat menghuraikan peranan pembesar dari aspek pemerintahan, kehakiman, dan ketenteraan pada era pemerintahan *Peter The Great*. Namun demikian, sebahagian besar calon hanya memberikan ulasan secara umum sahaja. Terdapat juga calon memberikan jawapan berkenaan peranan *Peter The Great* sahaja. Calon sepatutnya berupaya menghuraikan peranan dari ketiga-tiga aspek tersebut dengan memberikan contoh-contoh yang relevan. Calon juga perlu memahami aspek perubahan peranan pembesar era *Peter The Great*.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon membincangkan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Dinasti Ming untuk memajukan perdagangan dan pertanian pada abad ke-16. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik kerana mereka kurang berjaya membincangkan kedua-dua aspek secara seimbang. Calon sepatutnya dapat membincangkan usaha kerajaan memberikan galakan kepada sektor pertanian secara intensif dan ekstensif. Bidang pertanian dimajukan dengan memperkenalkan teknologi pertanian yang terkini, seperti sistem penanaman bergilir, penggunaan baja, peralatan pertanian yang moden, dan penggunaan teknologi pengairan yang termoden pada zaman itu. Dalam sektor perdagangan, dasar perdagangan antarabangsa direalisasikan dengan penghantaran misi perdagangan yang melewati sempadan antarabangsa. Infrastruktur saliran seperti terusan di bandar besar dibina oleh kerajaan untuk dimudiki kapal-kapal dagang yang besar.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon membincangkan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan Meiji untuk memajukan sektor perindustrian pada abad ke-19 dan abad ke-20. Calon yang dapat memberikan jawapan yang baik ialah calon yang berjaya membincangkan usaha melalui dasar kerajaan Meiji dalam sektor industri, kemajuan pengangkutan dan perhubungan, kemajuan bidang pertanian, pertumbuhan positif sektor kewangan dan perbankan serta kelahiran golongan teknokrat dalam masyarakat Jepun. Namun demikian, ada calon yang membincangkan usaha-usaha tersebut secara umum dan tanpa huraian yang mantap.

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon membincangkan langkah-langkah yang telah dilakukan oleh British untuk mengukuhkan kedudukannya selepas Peristiwa Dahagi di India pada tahun 1857. Kebanyakan calon hanya memberikan faktor-faktor yang menyebabkan tercetusnya Peristiwa Dahagi dan bukan langkah-langkah pengukuhan kuasa yang dilakukan oleh British selepas Peristiwa Dahagi. Calon sepatutnya memberikan fokus kepada usaha British, iaitu menamatkan pentadbiran Syarikat Hindia Timur Inggeris, menamatkan pemerintahan Moghul di India, menyusun semula aspek pentadbiran kerajaan, ketenteraan dan mengamalkan dasar pecah dan perintah bagi melemahkan penyatuan rakyat India.

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon membincangkan sejauh mana perbezaan ideologi antara Rusia dengan Amerika Syarikat menjadi penyebab berlaku Perang Dingin pada abad ke-20. Calon sepatutnya membincangkan isi utama tentang perbezaan ideologi dan selanjutnya menghuraikan isi lain yang turut menyebabkan Perang Dingin. Namun demikian, ada calon yang berjaya menjelaskan faktor lain seperti persaingan merebut wilayah, perlumbaan senjata, dan aktiviti pembendungan pengaruh komunisme.

SEJARAH (940/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 22 708 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 62.40% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	4.21	4.69	5.50	9.69	12.14	10.83	15.34	3.65	3.65	3.51	26.81

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon bagi kertas ini adalah sederhana. Terdapat beberapa kelemahan jawapan yang ketara. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- (a) Calon tidak mengetahui fakta yang dikehendaki oleh soalan.
- (b) Calon memberikan jawapan yang ringkas dan umum.
- (c) Calon tidak memahami maksud dan konsep yang dikemukakan dalam soalan, iaitu konsep kepemimpinan dan negara bangsa.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon membincangkan sumbangan Piagam Madinah kepada pembentukan negara Islam Madinah yang maju dan stabil dari aspek politik dan sosial. Sebahagian kecil calon sahaja berjaya mengemukakan jawapan yang baik. Aspek yang sepatutnya dibincangkan ialah Piagam Madinah mengangkat Nabi Muhammad S.A.W sebagai pemerintah tertinggi di Madinah, kebertanggungjawaban bersama dengan penduduk di Madinah untuk memelihara keamanan dan kestabilan politik dan sosial, dasar bermesyuarah dalam urus tadbir negara, jaminan keselamatan dan kedudukan kaum Yahudi sebagai golongan minoriti, dan kebebasan beragama.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menerangkan ciri-ciri kepemimpinan yang dimiliki oleh Salehuddin al-Ayyubi dalam pembebasan kota Jerusalem. Terdapat calon yang tidak memahami kehendak soalan kerana mereka hanya menjelaskan ciri-ciri unggul peribadi Salehuddin al-Ayyubi tanpa mengaitkan elemen karismatik beliau sebagai seorang pemimpin. Calon juga tidak mengaitkan ciri kepemimpinan tokoh tersebut dengan kejayaan membebaskan kota Jerusalem. Calon sepatutnya membincangkan ciri kepimpinan Salehuddin al-Ayyubi sebagai panglima perang, pemimpin yang taat pada agama, bertoleransi dan berkebajikan, dan seorang yang strategis. Kesemua elemen kepemimpinan ini perlu dibincangkan semasa misi pembebasan kota Jerusalem oleh Salehuddin al-Ayyubi.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon membincangkan peranan Baitul Hikmah dalam perkembangan ilmu *naqli* dan ilmu *aqli* pada zaman kerajaan Abbasiyah. Ada calon yang dapat menjawab soalan ini tetapi gagal membezakan ilmu *naqli* dengan ilmu *aqli*. Sesetengah calon gagal membincangkan peranan Baitul Hikmah dengan baik. Sepatutnya calon perlu membincangkan peranan Baitul Hikmah sebagai pusat penterjemahan, pusat penulisan buku ilmiah, pusat penyelidikan, pusat pengajian tinggi, dan perpustakaan. Calon juga boleh mengemukakan contoh-contoh yang relevan daripada perkembangan ilmu *naqli* dan ilmu *aqli*.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon memperihalkan kegiatan ekonomi kerajaan Abbasiyah dari abad ke-11 Masihi hingga abad ke-12 Masihi. Sebahagian besar calon berjaya mengemukakan kegiatan ekonomi seperti pertanian, perdagangan, dan perindustrian. Walau bagaimanapun, calon gagal memperincikan contoh dan lokasi kegiatan ekonomi tersebut. Calon hanya menjawab soalan secara umum dan tanpauraian yang relevan. Sepatutnya calon mengemukakan contoh wilayah pertanian yang produktif seperti lembah Sungai Tigris, lembah Sungai Furat, dan lembah Sungai Nil. Calon juga perlu mengemukakan contoh-contoh bandar perdagangan dan pelabuhan seperti Baghdad dan Samarra di Iraq. Bagi sektor perindustrian pula, calon boleh mengemukakan contoh industri tekstil di Shiraz, Bukhara, dan Khurasan.

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon menggalurkan gerakan penentangan rakyat Mesir terhadap penjajahan Barat dari abad ke-19 Masihi hingga abad ke-20 Masihi. Kebanyakan calon yang menggalurkan gerakan penentangan rakyat Mesir ini tidak menjawab soalan kerana hanya membincangkan faktor-faktor penentangan rakyat Mesir terhadap penjajahan Barat. Calon juga gagal menyusun peristiwa penentangan secara kronologi. Calon sepertutnya menggalurkan gerakan penentangan rakyat Mesir ini bermula daripada penaklukan Perancis terhadap Mesir, pemberontakan Syeikh Muhammad Sadat, gerakan pemisahan semasa pemerintahan Uthmaniyyah, penjajahan British di Mesir, gerakan Ahmed Urabi Pasha, gerakan pemulihan Islam, dan Revolusi Mesir 1919.

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan faktor pembentukan negara bangsa Turki. Prestasi calon dalam menjawab soalan ini adalah lemah. Terdapat calon yang keliru dengan kehendak soalan apabila membincangkan penentangan bangsa Turki terhadap kuasa Barat dan calon ramai tidak menguasai konsep negara bangsa dalam konteks soalan ini. Calon sepertutnya menjelaskan faktor rakyat Turki menjatuhkan sistem pemerintahan khalifah dan menjelaskan kelemahan pemerintahan Uthmaniyyah sehingga rakyat bangkit menukar sistem pemerintahan kepada negara republik.

SEJARAH (940/3)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3 ini, sebanyak 22 544 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 70.85% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	17.78	2.38	5.20	2.86	15.08	14.27	13.28	4.34	5.97	3.49	15.35

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon bagi kertas ini adalah sederhana. Terdapat beberapa kelemahan jawapan yang ketara. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- (a) Calon tidak mengetahui fakta yang dikehendaki oleh soalan.
- (b) Calon memberikan jawapan yang ringkas dan umum.
- (c) Calon tidak memahami maksud dan konsep yang dikemukakan dalam soalan seperti konsep dasar.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan pentingnya peranan pembesar bagi menjamin kestabilan kerajaan Melayu tradisional. Jawapan yang sepatutnya ialah calon menghuraikan peranan penting pembesar dalam aspek politik, ekonomi, dan sosial, serta membincangkan bagaimana peranan penting pembesar dapat mewujudkan kestabilan kerajaan Melayu tradisional. Namun begitu, terdapat sebahagian besar calon memberikan jawapan yang menghuraikan peranan pembesar secara umum dan tiada penegasan tentang bagaimana peranan tersebut dapat mewujudkan kestabilan kerajaan Melayu. Terdapat calon yang masih memberikan jawapan yang tidak relevan dengan kehendak soalan kerana memberikan contoh-contoh pada zaman Kesultanan Melayu Melaka yang tidak termasuk dalam ‘time frame’ sukanan pelajaran.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon membincangkan perubahan sistem pendidikan di Sarawak dan di Sabah sebelum pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Sebahagian besar calon yang menjawab soalan ini tidak dapat mengemukakan fakta yang dikehendaki soalan. Kebanyakan calon memberikan jawapan yang umum dengan membincangkan pendidikan vernakular di Tanah Melayu. Calon sepatutnya membincangkan perubahan sistem pendidikan di Sarawak dan di Sabah semenjak tahun 1800 sehingga 1963 yang meliputi seawalnya pendidikan tradisi orang Melayu, penubuhan sekolah Melayu, sekolah mubaligh, dan sekolah persendirian Cina.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon menganalisis usaha-usaha ke arah pembangunan ekonomi Malaysia melalui Dasar Pertanian Negara. Umumnya, pencapaian calon yang menjawab soalan ini berada pada tahap kurang memuaskan. Kebanyakan calon memberikan jawapan yang umum dan longgar dari segi faktanya. Calon tidak menyatakan usaha-usaha membangunkan ekonomi melalui Dasar Pertanian Negara (DPN). Calon sepatutnya, menghuraikan usaha-usaha pembangunan ekonomi .melalui DPN serta memberikan analisis terhadap usaha seperti pembukaan tanah, pembangunan institusi, perkhidmatan sokongan pertanian, dan pembangunan sosial.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan kegiatan ekonomi tradisional di Vietnam pada abad ke-19. Sebahagian besar calon berjaya mengemukakan kegiatan ekonomi tradisional seperti kegiatan penanaman sawah padi, aktiviti perikanan darat dan laut, perdagangan domestik , dan pemeliharaan binatang ternakan. Walau bagaimanapun, calon gagal mengemukakan contoh dan lokasi kegiatan ekonomi tersebut. Calon hanya menjawab soalan secara umum dan tanpa huraian yang relevan. Sepatutnya calon mengemukakan contoh wilayah pertanian yang produktif seperti Lembah Sungai Mekong, Lembah Sungai Merah, dan Delta Song-Koi.

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon membincangkan dasar pendudukan Jepun di Indonesia dari tahun 1942 hingga tahun 1945. Kebanyakan calon gagal memahami dasar pendudukan Jepun di Indonesia dalam tempoh tersebut. Kebanyakan jawapan calon tidak relevan kerana ada calon menghuraikan perjuangan kemerdekaan Indonesia dan ada calon mengaitkan soalan ini dengan pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Calon sepatutnya membincangkan dasar pendudukan Jepun seperti indoktrinasi melalui slogan, dasar anti-Barat, pembebasan pemimpin nasionalis, dan beberapa dasar lain.

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan sumbangan Presiden Diosdado Macapagal di Filipina dari tahun 1961 hingga tahun 1965. Prestasi calon dalam menjawab soalan ini adalah baik dan hampir keseluruhan calon dapat menjawab seperti yang dikehendaki oleh soalan. Kebanyakan calon dapat membincangkan kehendak soalan seperti menghuraikan sumbangan beliau dalam pelbagai bidang, seperti menggubal Kanun Tanah Pertanian, menetapkan tarikh kemerdekaan bagi negara Filipina, menghapus amalan rasuah secara intensif dan berskala besar, dan beliau juga berperanan penting mengukuhkan hubungan diplomatik yang erat berdasarkan semangat keserantauan dalam kalangan negara-negara Asia Tenggara.

Laporan *Peperiksaan* **STPM 2018**



SASBADI SDN. BHD. (139288-X)

(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad (1022660-T))

Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603-6145 1188 Faks: +603-6145 1199

Laman web: www.sasbadisb.com e-mel: enquiry@sasbadi.com



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603-6126 1600 Faks: +603-6136 1488
e-mel: ppa@mpm.edu.my

ISBN 978-983-77-1300-0

A standard barcode for the book's ISBN, located in the bottom right corner of the page.

9 789837 713000